



KEJOHANAN OLAHRAGA PERAK ALLCOMERS 1
TAHUN 2022
PERSATUAN OLAHRAGA PERAK
PERATURAN PERTANDINGAN



KAEDAH PELAKSANAAN SOP COVID-19

1. Kejohanan ini dijalankan berdasarkan SOP AM Sektor Sukan Dan Rekreasi Pelan Pemulihan Negara – Fasa 4 yang dikemaskini pada 7 November 2021.
2. Setiap pengurus, peserta dan pegawai **WAJIB** membaca dan mematuhi SOP ini.

Aplikasi MySejahtera & MySJ Trace

3. Setiap peserta, jurulatih dan pegawai iringan yang hadir perlu berdaftar dengan penganjur menggunakan kaedah pendaftaran yang dinyatakan.
4. Hanya peserta, jurulatih dan pegawai yang telah **bervaksinasi lengkap** sahaja dapat hadir dan mengambil bahagian. Pastikan status COVID telah dikemaskini dan tarikh pada profil adalah terkini.
5. Setiap peserta, jurulatih dan pegawai perlu mempunyai aplikasi MySejahtera di telefon bimbit masing-masing.
6. Daftar masuk ke stadium adalah menggunakan aplikasi MySejahtera **sahaja**.
7. Pastikan MySJ Trace telah diaktifkan.

Ujian Kendiri COVID-19

8. Untuk memastikan keselamatan penuh dari COVID-19, setiap peserta, jurulatih dan pegawai yang hadir **wajib** mengambil **Ujian Kendiri COVID-19** dan merekod keputusan ujian ini dalam aplikasi MySejahtera. Ujian ini perlu diambil pada 24 atau 25 Februari 2022. Hanya yang **negatif sahaja** akan **dibenarkan masuk**.

Kedudukan Peserta, Pegawai, Penonton (*sebarang perubahan akan dimaklumkan*)

9. Hanya peserta yang terlibat dalam sesi pertandingan dibenarkan masuk ke bahagian kiri stadium yang dikhaskan untuk bilik panggilan.
10. Hanya pengurus dan pegawai yang berdaftar sahaja boleh berada di grandstand dan bilangan ini dihadkan kepada 200 orang sahaja.
11. Peserta serta mereka yang tidak terlibat akan ditempatkan di sebelah kanan stadium dan bilangan dihadkan kepada 300 orang sahaja.

Kawasan Stadium

12. Peserta, jurulatih dan pegawai perlu hadir lebih awal agar pemeriksaan maklumat di MySejahtera dapat dibuat.
13. Selepas itu peserta, jurulatih dan pegawai perlu mengambil suhu dan mengimbas QR kod stadium. Mereka dengan suhu badan kurang daripada 37.5 sahaja dibenarkan masuk.
14. Kecuali kawasan Bilik Panggilan dan kawasan memanaskan badan, tempat lain stadium adalah kawasan **wajib memakai pelitup muka dan penjarakan 1 meter**.

Lain-Lain

15. Perkara yang tidak dinyatakan dalam dokumen ini adalah berdasarkan kepada SOP AM Sektor Sukan dan Rekreasi yang disebut diatas.



KEJOHANAN OLAHRAGA PERAK ALLCOMERS 1
TAHUN 2022
PERSATUAN OLAHRAGA PERAK
PERATURAN PERTANDINGAN



Pengakuan

Dengan mendaftar dan mengambil bahagian dalam kejohanan ini, para peserta, jurulatih dan pegawai bersetuju untuk memenuhi semua keperluan yang telah ditetapkan di atas serta akan mematuhi segala Prosedur Operasi Standard (SOP) Sektor Sukan dan Rekreasi di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang sedang berkuat kuasa dan arahan semasa Majlis Keselamatan Negara/Kementerian Kesihatan Malaysia atau agensi-agensi penguatkuasa yang lain bagi membendung dan menghapuskan penularan wabak penyakit COVID 19.